

10/07/1999

Tanggungjawab syarikat merealisasikan MSC

Zainal Abidin Maaz; Mohd Azlan Jaafar

BANDAR Cyberjaya dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin disaksikan ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dr Mahathir berkata, Malaysia berjaya menyiapkan fasa pertama pembangunan bandar raya pintar, Cyberjaya, lebih awal daripada jadual walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi baru-baru ini.

Pencapaian setakat ini jelas membuktikan kemampuan Malaysia untuk membangunkan infrastruktur MSC dalam tempoh yang begitu pantas. Walaupun ketika ekonomi meleset, MSC tetap diberi keutamaan dari segi peruntukan kewangan dan sokongan dasar.

Dr Mahathir turut mengulangi komitmen kerajaan untuk menentukan kejayaan Cyberjaya menerusi pembangunan pantas.

Cyberjaya, bandar induk Koridor Raya Multimedia (MSC) dan terletak 40 kilometer di selatan Pusat Bandar Kuala Lumpur menempatkan syarikat induk berstatus MSC menerusi pelbagai kemudahan fizikal dan maya secara berperingkat.

Pembangunan fizikalnya yang membabitkan kos lebih RM1 bilion untuk pengambilan tanah saja manakala talian gentian optik berkelajuan tinggi membolehkan data dihantar dengan pantas.

Semua yang diperlukan bagi menjana industri multimedia sudah dizahirkan di Cyberjaya - infrastruktur, universiti multimedia, geran R&D, modal teroka, insentif, bil jaminan MSC, undang-undang siber dan pelbagai akta.

Matlamat seterusnya dan akan menjadi kayu pengukur paling penting masyarakat global menjadi visi satu realiti. Penggubalan dasar dan perancangan bertahun kerajaan dan pihak swasta hanya permulaan untuk memulakan riak industri multimedia.

Tanggungjawab kini di tangan syarikat berstatus MSC untuk mula merealisasikan idea mereka kepada produk yang mempunyai potensi di pasaran global.

Seorang ahli IAP berpandangan MSC tidak perlu menjadi Lembah Silikon kedua.

"Sebaliknya, MSC harus membangunkan kandungan yang unik kepada budaya di rantau ini dan pasaran negara yang akan ditembusi. Ini lebih penting," katanya.

Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, turut menegaskan kini ialah masa untuk menzahirkan kisah kejayaan syarikat MSC.

Hanya penzahiran syarikat MSC tempatan yang berjaya saja mampu menghapuskan segala pandangan negatif yang dilontarkan sebelum ini.

Selain itu, persidangan kali ketiga ini juga mengenal pasti keperluan meningkatkan kerjasama antara peserta di tapak hub multimedia ulung.

Pasaran tanpa sempadan memang membawa peluang yang tiada batasan tetapi kebanyakan syarikat kecil tempatan tidak mempunyai jaringan pasaran seperti syarikat multinasional.

Elemen penting ialah untuk menggalakkan syarikat teknologi kecil dan sederhana tempatan menjalinkan kerjasama dengan syarikat multinasional bagi memasarkan produk mereka. Kerjasama seperti terbukti berjaya dalam menjana kejayaan Lembah Silikon.

Selain itu, MDC perlu lebih agresif dalam menyampaikan perkara sebenar secara berterusan dan ahli IAP menyatakan kesediaan mereka untuk menyebarkan mesej itu.

Pandangan dan maklum balas IAP yang bersidang buat kali ketiga di Cyberjaya kelmarin perlu diambil perhatian bagi memastikan visi pembangunan negara berteraskan teknologi akan menjadi kenyataan.

Bukan hanya kita perlu menyangkal tanggapan negatif masyarakat antarabangsa mengenai projek yang amat penting bagi masa depan negara, malah memastikan visi berani dan pandangan jauh sebuah negara kecil yang sedang membangun di rantau Asia bakal menjadi kenyataan.

Sejak dulu lagi, kepercayaan negara Barat kepada Malaysia untuk berada di hadapan berbanding kebanyakan negara di dunia dan memenuhi impian lengkap pembangunan negara berteraskan teknologi amat sedikit manakala krisis ekonomi yang dialami baru-baru ini tidak membantu dari segi imej.

Liputan media asing untuk pelancaran Cyberjaya, masih lagi menyuarakan keraguan terhadap hub multimedia negara yang dikelilingi kehijauan. Mereka tetap sangsi dengan kemampuan kita untuk berjaya dalam ekonomi Internet.

Apa yang mengecewakan ialah adanya laporan mengenai syarikat yang telah diberikan status MSC dan berjaya menghasil serta memasarkan produk mereka menggunakan Internet masih meragui akan kemampuan negara membuat persediaan untuk memenuhi keperluan dan permintaan pasaran ekonomi baru.

Bukan saja negara Barat amat kagum dengan konsep MSC ketika diumumkan buat pertama kali oleh Dr Mahathir, pada 1995 malah ia menimbulkan kerisauan negara lain. Ini menyebabkan beberapa negara di rantau ini tertekan dan lantas menghasilkan idea yang serupa bagi negara masing-masing, seperti Lembah Bangalore di India dan SingaporeOne di Singapura.

Persidangan kali ini turut menjadi medan untuk membuktikan beberapa keraguan yang ditimbulkan oleh badan penasihat yang menentukan arah pembangunan MSC ini pada persidangan kali kedua Februari tahun lalu sudah atau sedang diatasi. Antara persoalan yang ditimbulkan ialah masalah cetak rompak, perlindungan hak cipta intelek penghasilan tenaga pakar IT, pergerakan tenaga pakar, pelaksanaan projek kerajaan serta jaminan kesinambungan dasar.

Selain itu persidangan kali ini turut mengukur komitmen ahli IAP kerana sokongan menyeluruh tokoh IT dan teknologi dunia mampu menghapuskan kritikan berterusan mengenai MSC, terutama sekali ketika negara dalam proses pemulihan akibat kegawatan ekonomi. Pandangan bernas mereka mengenai apa yang perlu dilakukan, jaminan pelaburan sama ada prasarana, tenaga mahir dan kewangan menjadi petanda baik yang dinantikan.

Teguran, pandangan, maklum balas, mahupun kritikan membina daripada ahli IAP perlu kita terima dengan baik dan demi masa depan negara kerana hasil persidangan kali ini akan membentuk gaya hidup era digital masa depan. Kita perlu mengekalkan MSC sebagai tapak ujian untuk idea dan prinsip sempurna bagi era maklumat.

Rangka kerja perdagangan elektronik (e-dagang) kebangsaan yang telah disiapkan akan menjadi asas kepada pembabitan negara yang lebih aktif dalam e-dagang yang diunjurkan bakal mencapai nilai lebih RM1 trilion dalam beberapa tahun mendatang.

Dalam pada itu, kita sebagai warga di negara yang bertuah ini perlu ada daya usaha untuk memahami intipati sebenar MSC, kesan era digital, ekonomi digital dan revolusi maklumat.

Kita bakal menikmati pelbagai kemudahan seperti penggunaan kad pelbagai guna untuk menggantikan kad pengenalan, pendidikan di sekolah bestari, pembayaran bil menggunakan kios dan wang elektronik, perbankan di rumah dan penyiaran maklumat dalam talian.

Semua yang diperlukan bagi meletakkan MSC di persada dunia teknologi tinggi sudah diletakkan. Kini ialah masa untuk `melakukannya'.

Seorang lagi panel memberi nasihat ini, "Semua infrastruktur sudah diletakkan di tempatnya ... selebihnya terpulang kepada rakyat."

(END)

